

MIGRASI MASYARAKAT LUAR DAN PENGARUH DIALEK DI PERAK: ANALISIS GEOLINGUISTIK

*(The Migration of Non-local Communities and Effects on
Dialects in Perak: A Geolinguistic Analysis)*

Siti Noraini Hamzah
sitinoraini1010@gmail.com

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my

Zaharani Ahmad
zaharaniahmad@gmail.com

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Abstrak

Pengaruh persempadanan negeri telah menjadikan Perak sebagai sebuah negeri yang rencam dengan pelbagai dialek mahupun subdialek. Perak bukan sahaja menerima pengaruh dialek luar melalui persempadanan, malahan migrasi masyarakat luar daripada lingkungan Tanah Melayu juga merencamkan lagi dialek Melayu di bahagian utara dan selatan negeri ini. Kajian ini menggunakan kaedah lapangan sepenuhnya, iaitu melibatkan sebanyak 58 buah kampung di lima daerah di Perak dengan menghuraikan faktor linguistik dan bukan linguistik atau ringkasnya geolinguistik dalam pemerhatian terhadap fenomena kerencaman dialek di Perak. Kajian ini juga mengaplikasikan teknologi GIS. Pengaplikasian GIS dilihat dapat menjelaskan lagi faktor ruwang dalam penghijrahan masyarakat luar

ke negeri Perak berdasarkan bukti data leksikal seperti “air”, “saya”, “datuk”, “nenek”, “kamu”, “besar”, “anjing”, “betis” dan “mentah” yang jelas memperlihatkan pengaruh daripada dialek Melayu Patani, dialek Banjar, dialek Jawa dan dialek Minang. Ditambah pula, keadaan geografi kawasan Larut Matang dan Selama, Hulu Perak, Kerian, Hilir Perak dan Batang Padang yang memudahkan dan membuka ruang kepada masyarakat luar atau pendatang ini untuk datang membina petempatan di kawasan ini. Ternyata kehadiran teknologi GIS telah memudahkan lagi penerangan mengenai penyebaran dialek di Perak. Faktor geografi, sejarah, ekonomi telah diintegrasikan dengan teknologi bagi mendapatkan penjelasan yang berpada tentang penyebaran dialek dengan lebih sistematik.

Kata kunci: migrasi, leksikal, dialek geografi, GIS, ruang (*spatial*)

Abstract

Being a border state, a great variety of dialects and subdialects exist in Perak. However, dialectal influence is not due to location alone. The migration of non-local communities from other areas of the Malay Peninsula has increased the number of Malay dialects in the northern and southern parts of this state. This study was carried out completely through field work involving 58 villages in five districts, and seeks to enumerate the linguistic and non-linguistic factors—in brief, the geolinguistic factors—in dialect variation in Perak. This research was also carried out using GIS technology. GIS is able to further explain the spatial factor in the migration of non-local communities to Perak based on the evidence of lexical data such as air (water), saya (I/me), datuk (grandfather), nenek (grandmother), kamu (you), besar (big), anjing (dog), betis (calf [part of the leg]) and (raw) that clearly show the influences of the Patani Malay, Banjar, Javanese, and Minang dialects. Furthermore, the easily accessible geographical locations of Larut Matang and Selama, Hulu Perak, Kerian, Hilir Perak and Batang Padang, facilitates the settlement of non-local or immigrant communities in these areas. The existence of GIS technology aids in shedding light on dialect dispersal in Perak. Geographical, historical and economical factors, combined with this technology, provide a clearer and more systematic explanation of the spread of dialects.

Keywords: migration, lexical, geographical dialect, GIS, spatial

PENDAHULUAN

Kajian bahasa sentiasa berevolusi. Banyak kemudahan teknologi hari ini dapat dimanfaatkan untuk kajian bahasa. Secara tidak langsung kajian bahasa yang mengaplikasikan teknologi semasa sentiasa terkini dan relevan. Contohnya, untuk kajian bahasa dan linguistik yang menggunakan teknologi maklumat, iaitu pangkalan data dan korpus ialah dua istilah penting apabila memperkatakan hal bahasa dan teknologi. Di Malaysia, Pusat Rujukan Persuratan Melayu www.prpm@dbp.gov.my yang dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka menjadi portal rujukan utama untuk pengguna bahasa mendapatkan makna kata dan juga istilah dalam bahasa Melayu. Di Institut Alam dan Tamadun Melayu pula, portal www.malaycivilization.com menjadi tumpuan sarjana dalam dan luar negeri untuk mendapatkan maklumat tentang Alam Melayu.

Kajian bahasa dan teknologi dapat diaplikasikan dalam bidang yang lain juga. Dalam konteks kajian ini bahasa dan maklumat geografi disinergikan melalui geolinguistik. Geolinguistik merupakan bidang antara disiplin yang menggabungkan peta bahasa yang menggambarkan corak ruang lokasi bahasa atau kesan proses yang membawa perubahan bahasa (Hoch & Hayes, 2010). Asmah (2013) mendefinisikan geolinguistik sebagai kajian penyebaran bahasa dalam kawasan yang luas dengan melihat pada maju surutnya sesuatu bahasa melalui zaman berdasarkan faktor sosial. Penyelidikan geolinguistik ini bertambah mudah dengan wujudnya perisian *Geographical Information System (GIS)*.

GIS dipercayai dapat membantu pengkaji dialek mendapatkan isoglos dengan lebih tepat dan rencam. Penulisan ini menumpu pada kajian dialek Melayu di Perak. Pengaruh persempadanan negeri telah menjadikan Perak sebagai sebuah negeri yang rencam dengan pelbagai dialek mahupun subdialek. Menurut Asmah (1985), daerah yang mewakili kawasan dialek Perak ialah Parit dan Kuala Kangsar. Selebihnya, bahagian tertentu di negeri Perak merupakan kawasan penyebaran dialek lain yang bersempadan dengan negeri tersebut. Hakikatnya, Perak bukan sahaja menerima pengaruh dialek luar melalui persempadanan kawasan, malah menerima migrasi masyarakat luar dari lingkungan Tanah Melayu. Keadaan ini merencamkan lagi dialek Melayu di negeri tersebut. Daerah Larut Matang dan Selama, Hulu Perak, Kerian, Hilir Perak dan Batang Padang merupakan antara daerah yang menerima migrasi daripada masyarakat luar (Abdul Halim, 1977). Oleh itu, artikel ini meneliti kehadiran pengaruh dialek Melayu Patani dan Banjar di daerah utara Perak

dan dialek Jawa, Rawa dan Minang di daerah selatan Perak. Faktor ruang (*spatial*) dan sejarah akan diteliti bagi mengenal pasti pertembungan yang wujud antara dialek luar dengan dialek tempatan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Asmah (1985) dan Harun (1983) merupakan antara pengkaji yang meneliti dialek geografi secara umum. Asmah telah mengkaji dialek Melayu di seluruh Malaysia dan Brunei. Penjelasaannya melibatkan penghuraian aspek fonologi dan leksikal. Analisis yang sama turut dikemukakan oleh Harun berkenaan dialek Perak. Kajian dialek geografi yang diteliti secara menyeluruh pula telah dijalankan oleh Collins (1983), dalam kajian dialek Ulu Terengganu, Ajib (1985) dalam kajian dialek geografi Pasir Mas dan Rohani (1986) dalam kajian dialek geografi Kuala Kangsar. Kajian dialek geografi ini telah mengetengahkan dialek yang mengambil kira geografi kawasan. Kesemuanya melibatkan kajian variasi fonologi dan leksikal yang turut dikaitkan sedikit sebanyak dengan kedudukan geografi kawasan kajian. Walau bagaimanapun, dapatan peta yang dikemukakan oleh pengkaji tersebut lebih bersifat impresionistik, iaitu dilorekkan berdasarkan rujukan sendiri. Faktor muka bumi, migrasi, sejarah dan demografi yang menjadi faktor penyumbang kepada pembentukan sesebuah dialek tidak diketengahkan dengan jelas.

Sarjana luar, iaitu Teerarojanarat dan Tingsabadh (2010) telah meneliti variasi leksikal dialek Thailand. Penelitian dialek tersebut telah diaplikasikan dengan menerapkan aplikasi teknologi GIS yang berjaya membentuk isoglos berdasarkan kaedah *overlay*. Onishi (2010) juga telah membentuk isoglos berdasarkan variasi populasi dialek yang disimbolkan di dalam peta dengan bantuan sistem maklumat geografi GIS ini. Ternyata GIS mampu membantu pengkaji dalam usaha memberikan penghuraian berkenaan dialek berdasarkan faktor geografi yang mempengaruhi pembentukan dialek di satu-satu kawasan. Hal ini dibuktikan berdasarkan penjelasan Hoch dan Hayes (2010) bahawa teknologi GIS ini mampu diaplikasikan dalam bidang kajian linguistik. Hal ini turut sama diujahkan oleh Mokhtar (2012) bahawa perisian GIS ini mampu diaplikasikan dalam bidang lain, dan tidak terhad pada bidang geografi semata-mata. Malah, cubaan awal Nor Hashimah *et. al* (2013), Nor Hashimah dan Noraini (2014), Nor Hashimah (2015) dan Nor Hashimah *et. al* (2016) membuktikan bahawa GIS mampu digandingkan dengan kajian dialek

bagi memastikan kajian linguistik terus maju ke hadapan. Nor Hashimah dan rakan penyelidik dapat membuktikan bahawa faktor muka bumi, ruang, sejarah dan migrasi dapat mewarnai penyebaran dialek di sesuatu kawasan dengan penjelasan yang mantap. Makalah ini akan mengukuhkan lagi dapatan kajian geolinguistik yang dapat mensinergikan faktor bahasa, manusia dan ruang di atas.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berlandaskan pendekatan dialektologi yang menepati ciri-ciri kajian dialek, iaitu membincangkan varian, penggunaan data lapangan dan mengikut prinsip NORM's, dan pada masa yang sama mengaplikasikan teknologi GIS. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa kajian ini merupakan kajian dialektologi yang bersifat multidisiplin kerana menggunakan aplikasi GIS dalam usaha melihat penyebaran dialek di Perak yang mempunyai pelbagai unsur luar akibat daripada pengaruh migrasi. Kajian dialek melibatkan kajian lapangan. Oleh itu, beberapa kampung di daerah Larut Matang, Selama, Hulu Perak, Kerian, Hilir Perak dan Batang Padang (yang banyak penutur Patani, Banjar, Minang, Jawa dan Rawa) yang mencapai populasi penduduk melebihi 100 orang telah dipilih. Pengumpulan data menggunakan borang soal selidik yang disediakan berdasarkan latar belakang responden dan dialek setempat. Maklumat kampung dan geografi kawasan kampung tersebut juga diambil perhatian dalam proses pengumpulan data. Dalam penganalisan data, perisian pemetaan *Geographic Information System (GIS) ArcGISTM* telah digunakan dalam penghasilan paparan peta yang memuatkan data yang diperolehi. Alat ini merupakan teknologi terkini yang membantu pengkaji dialek mengemukakan paparan peta tanpa perlu dilorekkan sendiri seperti yang dikemukakan oleh pengkaji lepas. Selain itu, paparan peta ini lebih sahih kerana diperolehi terus daripada peta yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Sejumlah responden, iaitu mewakili peringkat umur tua, dewasa, remaja dan kanak-kanak telah dicatatkan. Tujuannya adalah untuk melihat pola penggunaan dialek asal ibu bapa dalam kalangan penutur peringkat umur ini. Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan soal selidik dan temu bual. Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A, tentang maklumat kampung dan demografi, bahagian B berkaitan dengan maklumat responden dan bahagian C mengandungi

	KAMPUNG	LEKSIKAI	varian leksikal	L1	L2	L3	L4	L5	L6	L7	L8	L9	L10	L11
1	3	1	Air	1										e
2	4	2		1										e
3	5	3		1										e
4	6	4		1										e
5	7	5		2	ojo							oe		
6	8	6		3	oir	ojo						oe		
7	9	7		3	oir	ojo						oe		
8	10	8		1				ojo						
9	11	9		3				ojo	ojo			oe		
10	12	10		1						ojo				
11	13	11		3							ojo		oe	
12	14	12		3				ojo				ojo	oe	
13	15	13		1						ojo				
14	16	14		1		ojo								
15	17	15		3	oir			ojo		ojo				
16	18	16		2					ojo	ojo		oe		
17	19	17		1						ojo		oe		
18	20	18		3	oir					ojo		oe		
19	21	19		2						ojo		oe		
20	22	20		3			ojo				ojo			
21	23	21		2				ojo				ojo		
22	24	22		2			ojo				ojo		oe	e
23	25	23		4				ojo				ojo	e	e
24	26	24		4					ojo			oe	e	e
25	27	25		4					ojo			oe	e	e
26	28	26		4					ojo			oe	e	e
27	29	27		6	oir	ojo		ojo		ojo		oe	e	e
28	30	28		2	oir		ojo					oe		
29	31	29		3	oir		ojo					oe		
30	32	30		4	oir	ojo	ojo					oe		
31	33	31		5	oir	ojo				ojo		oe		
32	34	32		3	oir		ojo					oe		
33	35	33		4	oir		ojo			ojo		oe		
34	36	34		3	oir	ojo	ojo			ojo		oe		
35	37	35		4	oir		ojo			ojo	ojo	oe		
36	38	36		1	oir	ojo						oe		
37	39	37		4	oir	ojo	ojo			ojo		oe		
38	40	38		1	oir	ojo						oe		
39	41	39		4	oir	ojo	ojo		ojo			oe		

Rajah 1 Contoh data dalam Excel.

sebanyak 96 senarai leksikal. Walau bagaimanapun, untuk kajian ini, pengkaji hanya melihat sembilan leksikal sahaja, iaitu kata nama “air, saya, datuk, nenek, kamu, besar, anjing, betis dan mentah”. Pemilihan sembilan leksikal ini dibuat kerana banyak pengaruh dialek asing diperlihatkan berbanding dengan leksikal yang lain.

Selain soal selidik, pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual dengan responden bagi mendapatkan data yang lebih sahih. Caranya adalah dengan meminta responden bercerita sama ada cerita tentang sejarah nama kampung, cara memasak masakan tradisi masyarakat dan sebagainya. Setiap kampung akan ada 40 orang responden yang ditemu bual. Semua data responden ditranskripsikan lalu dimasukkan dalam program Excel. Data ini kemudian diterjemahkan dalam perisian GIS bagi mendapatkan maklumat taburan dialeknya.

MUKA BUMI PERAK

Negeri Perak merupakan negeri yang bersempadan dengan banyak negeri lain di Semenanjung Malaysia. Di bahagian utara, Perak bersempadan dengan Kedah dan Seberang Perai, Pulau Pinang selain turut bersempadan dengan selatan Thai. Terdapat sebuah sungai, iaitu Sungai Kerian yang menjadi sempadan di antara Perak dengan Kedah. Selain itu, terdapat Sungai Perak yang menyusur dari daerah Hulu Perak hingga ke Hilir Perak. Bahagian timur Perak pula bersempadan dengan negeri Kelantan yang dipisahkan dengan Banjaran Gunung Titiwangsa. Banjaran ini menganjur dari utara ke selatan negeri Perak. Hutan tebal kebanyakannya terdapat di kawasan tersebut. Hulu sungai dari banjaran tersebut menyusur dari timur ke selatan di Hilir Perak. Hilir Perak dan Batang Padang berada di selatan negeri ini. Di bahagian selatan, negeri ini bersempadan dengan Selangor dan Pahang. Sungai Bernam dianggap sempadan bagi daerah Hilir Perak dengan Selangor.

Struktur muka bumi kawasan ini telah menyumbang kewujudan penempatan baharu oleh masyarakat selatan Thai, Kalimantan dan Sumatera yang berhijrah ke daerah ini. Kawasan tersebut tidak didiami oleh masyarakat tempatan sebelumnya. Masyarakat tempatan membuka penempatan di daerah yang menjadi laluan aliran sungai. Pinggir pantai, sungai dan tanah pamah merupakan kawasan yang menjadi tumpuan penduduk tempatan kerana terdapat sumber keperluan asas manusia. Kawasan selatan Perak dan kawasan di utara Perak tidak dihuni sepenuhnya oleh masyarakat tempatan kerana faktor geografi kawasan ini yang berpaya dan berbukit. Maka, pertembungan komunikasi antara segelintir masyarakat tempatan dengan orang yang bermigrasi berlaku. Kesannya sudah semestinya berlakunya percampuran bahasa yang mendorong kepada wujudnya kepelbagaian variasi leksikal.

SEJARAH MIGRASI MASYARAKAT PATANI, BANJAR, JAWA, MINANG DAN RAWA

Migrasi ke Semenanjung Malaysia seringkali dikaitkan dengan masyarakat Indonesia. Kelompok masyarakat tersebut termasuklah masyarakat Banjar, Minangkabau dan Jawa. Selain masyarakat Indonesia, masyarakat Patani juga bermigrasi ke kawasan Semenanjung. Keadaan ini dapat dibuktikan melalui kewujudan komuniti penempatan masyarakat ini di beberapa kawasan dalam negeri di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun,

perpindahan ini tidak menggugat jati diri masyarakat ini terhadap asal usul kelompoknya khususnya dari aspek pengekelan bahasa. Penghijrahan kelima-lima masyarakat ini ke Tanah Melayu mempertembungkan bahasa dan merencamkan lagi variasi dialek di utara dan selatan negeri Perak. Penghijrahan masyarakat luar ke negeri Perak terakam dalam *Misa Melayu* (1992). Kemakmuran Perak dengan hasil bumi telah mengundang orang Belanda, Inggeris, Cina, Sumatera, Jawa dan India ke Perak.

Berdasarkan data yang diperoleh di lapangan, penulis telah menemui banyak leksikal yang dipengaruhi oleh bahasa atau dialek luar di utara dan selatan Perak. Di utara Perak misalnya ditemui kehadiran masyarakat Melayu Patani dan masyarakat Banjar. Migrasi masyarakat Melayu Patani berbeza daripada masyarakat Banjar, Jawa, Minang dan Rawa kerana kehadirannya di Hulu Perak terutamanya disebabkan oleh faktor sejarah. Menurut *Sejarah Perak* (Abdul Halim, 1977), negeri Perak dengan Kerajaan Reman (Siam) sering berbalah bagi menentukan sempadan. Walau bagaimanapun, selepas campur tangan Kerajaan Inggeris satu perjanjian telah dimeterai. Maka, wujudlah sempadan negeri Perak dengan negeri Thai seperti yang terdapat pada hari ini. Oleh itu, tidak hairanlah apabila wujud banyak perkampungan masyarakat Melayu Patani di Hulu Perak. Kebanyakan mereka ini terus menetap dan membina perkampungan dalam daerah ini walaupun Kerajaan Siam telah menyerahkannya semula kepada Kerajaan Perak.

Suku Banjar yang tinggal di Sumatera dan Malaysia merupakan anak cucu daripada para penghijrah etnik Banjar yang datang dalam tiga gelombang migrasi besar. Di Malaysia, suku Banjar ini dapat ditemui di negeri Kedah, Selangor, Johor, Sabah dan Perak. Daerah yang paling banyak terdapat etnik Banjar ialah di daerah Kerian, Perak. Mereka ini berasal dari Kalimantan Indonesia, iaitu dari tempat yang bernama Banjarmasin. Daerah ini merupakan kawasan penanaman padi. Mereka yang berhijrah ke Tanah Melayu merupakan petani yang mahir dalam penanaman padi (Abdul Halim, 1977). Tambahan pula pada permulaan kurun ke-20, Kerajaan Inggeris telah memperkenalkan skim padi di daerah Kerian dan Sungai Manik. Apabila bermulanya skim padi ini, orang Banjar dari Kalimantan dibawa masuk untuk bekerja dalam skim tersebut (Malim Ghazali PK, 2011).

Sementara itu, di selatan Perak pula ditemui komuniti masyarakat Jawa dan Minang. Penghijrahan masyarakat Jawa dipengaruhi oleh dua faktor, iaitu kegiatan merantau dan minggat. Orang Jawa merantau ke Tanah

Melayu antaranya adalah untuk memperbaiki taraf hidup dan mempelajari ilmu. Keadaan kedua pula melibatkan minggat kerana melarikan diri daripada sesuatu perkara yang berlaku di negara asalnya. Ada juga antara mereka yang datang secara paksa. Terdapat sindiket pemerdagangan manusia yang menyediakan bekalan buruh kepada pedagang yang berlabuh di Tanah Melayu. Selain itu, penyebaran bahasa Jawa di Perak juga salah satunya disebabkan oleh faktor sejarah pemerintahan dahulu (Khazin, 1978).

Menurut Khazin, orang Minangkabau juga berhijrah ke Tanah Melayu. Sultan pertama yang memerintah Perak ialah Raja Muzaffar yang merupakan anakanda Sultan Mahmud Syah yang telah berundur ke Kampar, Sumatera. Baginda diangkat menjadi sultan di sana setelah berlaku peperangan dengan orang Portugis di Melaka. Hubungan darah antara Sultan Perak dengan Sultan Kampar, Sumatera ini telah membawa masuk masyarakat Sumatera, iaitu melibatkan masyarakat Minangkabau ke Perak. Masyarakat ini lebih suka berniaga, malah budaya “makan gaji” tidak digalakkan atau disukai oleh orang Minangkabau yang merantau.

Di samping itu, masyarakat Rawa yang juga tergolong daripada masyarakat Minangkabau juga turut berhijrah ke Tanah Melayu. Masyarakat ini lebih dominan ditemui di Gopeng Perak (Asmah, 1985). Masyarakat ini juga ditemui di Batang Padang yang berkomuniti dengan masyarakat Minang asli. Menurut Harun (1969), kedatangan orang Rawa pula dikatakan berlaku sejak 300 tahun yang lalu, dan kawasan terawal yang didudukinya ialah di Raub Pahang dan segelintir daripada mereka berhijrah ke Perak. Berdasarkan sejarah tidak mustahil berlakunya penyebaran dialek Rawa ke Perak seperti yang wujud pada hari ini, dan sekali gus menunjukkan kerencaman variasi dialek di Perak. Menurut Asmah (1985), masyarakat ini dominan ditemui di Gopeng, Kampar dan Tapah Perak.

DIALEK PATANI DAN MINANG DI KAWASAN BERTANAH TINGGI

Taburan varian yang dipengaruhi oleh dialek Patani dan Minang didapati banyak bertumpu di kawasan yang bertanah tinggi dan berbukit. Penyataan ini dapat dibuktikan berdasarkan penemuan varian dialek Patani di daerah Hulu Perak dan Larut Matang dan Selama serta varian dialek Minang di daerah Batang Padang.


Daerah Larut Matang, Selama dan Hulu Perak adalah antara dua daerah yang terletak di utara negeri Perak. Daerah Larut Matang dan Selama bersempadan dengan negeri Kedah, dan daerah Hulu Perak bersempadan dengan selatan Thai dan Kelantan. Kedudukan daerah ini bersempadan dengan banyak negeri telah mewujudkan kepelbagaian variasi leksikal dalam dialek yang dituturkan oleh penduduk kampung di kawasan berkenaan. Pengaruh yang paling ketara ialah dialek Melayu Patani. Petempatan masyarakat Melayu Patani banyak ditemui di daerah Hulu Perak dan sedikit sahaja di daerah Larut Matang dan Selama. Menurut Nuwairi (2003) kawasan Bukit Gantang naik ke arah utara dan timur laut melintasi Batu Kurau, Selama hingga Lenggong dan Grik di Perak bersempadan dengan Wilayah Yala. Malahan, dialek Melayu Patani masih menjadi medium komunikasi harian dalam kalangan masyarakat setempat. Kemasukan masyarakat Melayu Patani ke Perak terutamanya di daerah Hulu Perak adalah disebabkan oleh faktor sejarah penentuan sempadan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

PEMBUKTIAN DATA LEKSIKAL

Dalam kajian yang dilakukan, beberapa data telah dikutip untuk membuktikan wujudnya migrasi di kawasan ini. Data “air” dan “saya” didapati telah memperlihatkan kewujudan pengaruh dialek Melayu Patani dalam pertuturan masyarakat kampung yang tinggal di kedua-dua daerah ini.

Data “air”

Berdasarkan peta dalam Rajah 2, didapati variasi bagi leksikal “air” jelas memperlihatkan kepelbagaian sebutannya dalam kalangan penduduk kampung di daerah Larut Matang, Selama dan Hulu Perak. Antara varian yang ditemui termasuklah [ɛ], [ʔ^ae], [aʝɔ] dan [aʝaʔ]. Varian [ɛ] dan [ʔ^ae] yang ditandai dengan simbol ● dan ● menunjukkan pengaruh dialek Melayu Patani yang paling jelas (Ruslan, 2011) dan banyak ditemui di Kampung Pantai Besar, Kampung Relang, Kampung Sempeneh Seberang dan Kampung Sempeneh Cempaka dalam mukim Batu Kurau; di Kampung Kerunai, Kampung Plang, Kampung Kuak Hulu dan Kampung Selarong dalam mukim Kerunai; Kampung Pahit Tengah, Kampung Lalang, Kampung Kuak Luar dan Kampung Simpang Pulau dalam mukim



Rajah 2 Peta 1 taburan leksikal “air”

Pengkalan Hulu; Kampung Luat, Kampung Luat Tengah, Kampung Pulau Cheri, Kampung Banggol Belimbing, Kampung Teluk Batu, Kampung Geluk dalam mukim Lenggong, dan Kampung Banggol Batu, Kampung Chain, Kampung Beng, Kampung Lenggong dan Kampung Temelong dalam mukim Temelong. Kebanyakan penduduk di kampung ini berketurunan Melayu Patani. Sumber pendapatan utama mereka adalah menoreh getah kerana bentuk muka bumi di kawasan ini yang berbukit. Di kawasan ini terdapat banyak kebun getah milik orang kampung serta diliputi oleh hutan tebal.


Sementara itu, terdapat beberapa kampung yang ditemui menggunakan sebutan asli dialek Melayu Perak, iaitu [ajɔ] yang diberikan simbol ●. Varian sebutan asli ini hanya ditemui di Kampung Seberang Ampang, Kampung Ayer Kuning dan Kampung Kubu di mukim Bukit Gantang sahaja. Keadaan ini sedemikian kerana kampung-kampung tersebut kedudukannya sangat berdekatan dengan daerah Kuala Kangsar yang semua penduduknya menggunakan dialek Melayu asli Perak. Varian

[qjəʔ] ditandai dengan ● yang memperlihatkan pengaruh dialek utara hanya ditemui di mukim Selama dan Trong. Kedua-dua mukim ini sangat berhampiran dengan negeri Kedah. Oleh sebab itu, masyarakat kampung di mukim ini majoritinya menggunakan dialek utara dalam komunikasi seharian mereka.

Data “saya”

Begitu juga dengan variasi “saya” yang didapati memperlihatkan kerencaman variasi leksikalnya di kedua-dua daerah ini. Antara variasi yang ditemui termasuklah [sqjə], [aku], [sqjə], [sqja], [kami] dan [ʔʔʔ]. Kesemua variasi ini menunjukkan kesan penerimaan pengaruh yang pelbagai. Varian [aku] dan [sqjə] merupakan pengaruh penyebutan bahasa Melayu standard yang banyak ditemui dalam kalangan generasi muda di daerah ini. Varian [sqja], [kami] dan [ʔʔʔ] pula menerima pengaruh daripada dialek utara atau Kedah yang kebanyakannya ditemui di mukim Selama dan Trong. Varian [sqjə] pula yang ditandai oleh simbol ● ialah varian yang digunakan oleh masyarakat Melayu Patani bagi merujuk leksikal “saya” (Ruslan, 2011). Kampung-kampung yang ditemui menggunakan varian penyebutan dialek Melayu Patani sama seperti varian /ɛ/ dan [ʔ^əe]. Kebanyakan ahli masyarakat kampung ini berketurunan Melayu Patani, iaitu menyamai dapatan kajian yang diperolehi oleh Nuwairi (2003). Keadaan ini menunjukkan bahawa persempadanan di antara daerah Hulu Perak dengan Wilayah Yala dan Betong, Selatan Thai telah mewujudkan ruang kepada masyarakat Melayu Patani untuk berhijrah, dan seterusnya membina petempatan di daerah ini.

Tambahan pula, kedudukan daerah Hulu Perak yang berbukit dan bergunung dilihat dapat membantu orang Patani yang lari daripada tentera Siam semasa berlakunya peperangan di wilayah itu untuk berlindung. Namun begitu, varian ini dilihat tidak tersebar ke daerah yang berdekatan seperti daerah Kuala Kangsar kerana bentuk muka bumi yang tinggi dan berbukit-bukau. Secara tidak langsung bentuk muka bumi telah menutup ruang kemasukan pengaruh dialek Melayu asli Perak untuk masuk ke kampung dalam daerah ini. Begitu juga halnya dengan pengaruh dialek Melayu Patani yang tidak dapat menyerap masuk ke daerah Kuala Kangsar kerana dihalang oleh hutan tebal yang menjadi pemisah di antara kedua-dua daerah tersebut. Peta dalam Rajah 3 memaparkan taburan bagi leksikal “saya” di daerah Larut Matang, Selama dan Hulu Perak.



Rajah 3 Peta taburan leksikal “saya”


Selain daerah Hulu Perak yang menerima kemasukan pengaruh dialek Melayu Patani, terdapat juga beberapa kampung dalam daerah Larut Matang dan Selama, iaitu mukim Batu Kurau menuturkan varian [ʔ^he]. Penyebaran dialek Melayu Patani sehingga mukim Batu Kurau berlaku kerana kebanyakan kampung ini berhampiran dengan mukim Lenggong yang majoriti penduduknya berketurunan Melayu Patani. Walaupun terdapat Bukit Lanjut yang menjadi pemisah di antara mukim Lenggong dengan Batu Kurau, penyebaran bagi dialek ini masih lagi dapat tersebar kerana kebanyakan ruang di Bukit Lanjut dipenuhi tanaman getah milik orang kampung. Keadaan ini telah membuka ruang kepada orang luar, terutamanya masyarakat Melayu Patani, yang tinggal di Hulu Perak

berpindah dan bekerja sebagai penoreh getah di mukim Batu Kurau. Secara tidak langsung pengaruh dialek Melayu Patani tersebar ke kampung-kampung dalam mukim Batu Kurau dengan mudah.

Berdasarkan data yang dipaparkan bersama-sama dengan taburan pembuktian peta, jelas memperlihatkan pengaruh dialek Melayu Patani yang masih kuat dikedua-dua daerah ini. Bentuk muka bumi yang bergunung dan berbukit telah menghalang asimilasi dialek di daerah ini. Situasi ini dapat dibuktikan lagi oleh dialog yang dituturkan oleh salah seorang penduduk jati di Kampung Lenggong.

Seterusnya, Batang Padang pula merupakan daerah yang terletak di selatan negeri Perak. Keadaan muka bumi daerah ini juga sama seperti daerah Hulu Perak, iaitu bergunung-ganang dan berbukit. Tambahan pula daerah ini bersebelahan dengan banjaran Gunung Titiwangsa yang menganjur dari utara ke selatan (Abdul Halim, 1977). Faktor geografi juga telah mempengaruhi kehadiran variasi leksikal yang digunakan oleh penduduk di kawasan ini. Data yang dianalisis untuk bahagian ini juga berbeza daripada data penghuraian dialek Patani, Banjar dan Jawa. Leksikal “anjing”, “betis” dan “mentah” lebih jelas memperlihatkan pengaruh sebutan dialek Minang yang ditemui dalam kalangan penutur dialek Minang di Batang Padang. Yang berikut merupakan beberapa senarai perbezaan bunyi yang ketara milik bahasa Minang yang berbeza daripada dialek Melayu Perak. Senarai pembeza yang dinyatakan ini turut disokong oleh kajian Nor Asyikin (2014) dan Nor Hashimah (2015) tentang penyebaran dialek Minang di daerah Batang Padang.

- i. Vokal /i/ yang hadir bersama-sama konsonan nasal /ŋ/ “-ng” di akhir kata akan mengalami perangkapan dalam suku kata tertutup, iaitu /ia/. Oleh itu, wujud varian tertinggi bagi leksikal “anjing” dan “kucing” yang membentuk [aŋdzijaŋ] dan [kufʃijaŋ].
- ii. Selain bahasa Minangkabau, dialek Rawa yang merupakan subdialek bahasa Minangkabau juga turut tersebar di kawasan tersebut. Ciri fonologi dialek Rawa ialah vokal /e/ pada suku kata awal akan mengalami pembundaran vokal kepada bunyi /ɔ/, manakala dalam bahasa Minang vokal /e/ tersebut akan mengalami perendahan vokal kepada vokal /a/. Sehubungan dengan itu, wujud varian [bɔteh] untuk Rawa dan [bateh] untuk Minangkabau bagi leksikal “betis”.




Rajah 4 Peta perbualan dalam dialek Patani (Nor Hashimah, 2015).

- iii. Variasi percampuran penggunaan dialek. Percampuran bahasa Minang dan dialek Rawa dikenal pasti bagi leksikal “mentah” kerana wujudnya varian [mantah] yang merujuk identiti bunyi sebutan bahasa Minang dan Perak Tengah, manakala [mɔntah] pula merujuk dialek Rawa. Selain itu, leksikal “besar” menunjukkan wujudnya varian [bɔsa] yang merujuk dialek Rawa, manakala [gɔdɔŋ] bagi varian bahasa Minang.

Data “anjing”





Terdapat tiga penggunaan varian bagi kata “anjing”, iaitu [ɑŋdʒɛŋ], [ɑŋdʒɛn] dan [ɑŋdʒijɛŋ]. Simbol ● dan ● menunjukkan penggunaan varian [ɑŋdʒɛŋ] dan [ɑŋdʒɛn] yang merupakan identiti dialek Selangor




Rajah 3 Peta taburan leksikal “anjing”.

atau dialek Melayu standard di Kampung Petalin, Kampung Temoh Stesen, Kampung Guntong dan Kampung Pasir. Penyebaran yang berlaku di bahagian tersebut disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi yang mempunyai tanah pamah dan landai yang memudahkan penyebaran dialek tersebut. Simbol ★ pula menunjukkan penggunaan varian [ɑ̃dʒijɑ̃ŋ] yang merupakan identiti bahasa Minang. Kenyataan ini dapat dibuktikan kerana leksikal tersebut turut disenaraikan sebagai kosa kata bahasa Minang oleh Asmah (1985). Varian tersebut dilihat dominan di kawasan tanah tinggi seperti Kampung Lubok Katak, Kampung Batu Melintang dan Kampung Sungai Dara. Faktor tanah tinggi dan bergunung menyebabkan kampung tersebut terhalang untuk menerima pengaruh dialek setempat terutamanya Kampung Batu Melintang dan Kampung Lubok Katak.

Data “betis”



Varian bagi kata “betis” pula terdiri daripada empat varian, iaitu [bətis], [bətih], [bətēh] dan [bətēh]. Kawasan yang memiliki simbol  merujuk varian [bətis] yang diwakili oleh Kampung Petalin, Kampung Temoh Stesen dan Kampung Pasir. Untuk varian [bətih] pula, bagi menunjukkan identiti penyebaran dialek Selangor pula ditandai dengan simbol . Keadaan ini mungkin disebabkan kedudukan kampung tersebut yang tidak mengalami sebarang halangan dan bersempadan dengan negeri Selangor mendorong pengaruh dialek Selangor tersebar ke kampung tersebut. Varian [bətēh] yang merupakan varian dialek asli Perak hanya digunakan sedikit sahaja di Kampung Temoh Stesen, Kampung Lubuk Katak, Kampung Guntong, Kampung Pasir dan Kampung Sungai Dara, iaitu di kawasan yang ditanda dengan simbol . Keadaan ini sedemikian kerana kedudukan kampung tersebut yang menjadi tumpuan orang ramai, iaitu bertanah pamah dan rata seperti Kampung Temoh Stesen dan Kampung Guntong. Simbol 




Rajah 4 Peta taburan leksikal “betis”.

pula menunjukkan penggunaan varian [bɔteh] yang juga menunjukkan identiti dialek Rawa, iaitu subdialek bahasa Minang. Varian tersebut juga hanya dilihat dominan di kawasan tanah tinggi seperti Kampung Lubuk Katak dan Kampung Batu Melintang sahaja. Faktor halangan dari kawasan tanah tinggi dan bergunung telah menyekat kemasukan dialek setempat ke kampung tersebut.

Data “mentah”

Simbol  menunjukkan penggunaan varian [məntah] yang merupakan identiti dialek Selangor di beberapa buah kampung di daerah kajian. Varian tersebut dilihat digunakan di Kampung Petalin, Kampung Temoh Stesen, Kampung Lubuk Katak, Kampung Guntong dan Kampung Pasir. Penyebaran yang berlaku di kawasan kampung tersebut disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi yang landai memudahkan perhubungan antara penduduk di daerah Batang Padang dan negeri Selangor. Varian [mantah] yang ditandai dengan simbol  merupakan leksikal yang



Rajah 5 Peta taburan leksikal “mentah”.

paling dominan kerana digunakan di semua kampung di daerah Batang Padang. Varian ini dominan kerana leksikal tersebut juga menunjukkan identiti leksikal dari Perak Tengah dan bahasa Minang. Memandangkan Perak Tengah bersempadan dengan Batang Padang kemungkinan variasi yang sama dengan bunyi sebutan bahasa Minang ini boleh tersebar. Namun begitu, penyebarannya mungkin terhad pada kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai sahaja seperti Kampung Petalin, Kampung Temoh Stesen, Kampung Guntong dan Kampung Pasir. Kampung Lubuk Katak, Kampung Batu Melintang dan Kampung Sungai Dara pula lebih kepada sebutan Minang kerana kampung ini berada di kawasan tinggi dan berbukit. Oleh itu, varian daripada dialek Perak Tengah tidak dapat tersebar ke kampung ini. Keadaan ini berlaku kerana wujudnya leksikal sebelum ini yang menunjukkan kampung tersebut lebih didominasi oleh varian dari kepulauan Sumatera. Varian dialek Rawa, iaitu [mɔntɔh] yang ditandai dengan simbol * pula, didapati hanya di kawasan mukim Tapah, Slim River dan Ulu Bernam. Hal ini disebabkan kampung tersebut telah menjadi kawasan penempatan bagi masyarakat dari kepulauan Sumatera, atau secara ringkasnya disebabkan oleh faktor sejarah.

DIALEK BANJAR DAN JAWA DI KAWASAN BERTANAH RENDAH


Taburan varian bagi dialek Banjar dan Jawa ditemui di utara dan selatan Perak. Taburan varian kedua-dua dialek ini banyak ditemui di kampung yang keadaan muka buminya bertanah rendah dan rata seperti daerah Kerian dan Hilir Perak.

Seperti yang dimaklumi, daerah Kerian juga merupakan daerah yang terletak di bahagian utara negeri Perak. Daerah ini bersempadan dengan negeri Pulau Pinang (daerah Seberang Perai) dan negeri Kedah (daerah Bandar Baharu). Di sebelah timur dan selatan, daerah ini bersempadan dengan daerah Larut Matang, Selama dan di baratnya Selat Melaka. Keunikan daerah ini kerana terletak bersempadan dengan tiga buah negeri. Sungai Kerian merupakan garis sempadan bagi ketiga-tiga negeri, iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perak. Hulu Sungai Kerian terletak di Selama, manakala kuala Sungai Kerian terletak di Kampung Acheh dalam daerah Seberang Perai Selatan. Keadaan bentuk muka bumi di daerah ini bertanah rata, bergambut bagi kawasan yang berhampiran dengan pantai dan kawasan berpaya bakau. Terdapat juga kawasan tinggi yang

berbukit seperti di mukim Gunung Semanggol dan Beriah dilihat menjadi salah satu faktor utama yang membuka ruang kepada orang luar masuk ke daerah Kerian kerana mempunyai tanah yang subur untuk pertanian. Tambahan pula, pada permulaan kurun ke-20, Kerajaan Inggeris telah memperkenalkan skim padi di daerah Kerian dan Sungai Manik. Dengan bermulanya skim padi ini, orang Banjar dari Kalimantan dibawa masuk untuk bekerja dalam skim tersebut (Malim Ghazali PK, 2011). Daerah ini merupakan kawasan petempatan masyarakat Melayu berketurunan Banjar yang paling ramai berbanding dengan daerah yang lain. Masyarakat ini mempunyai keunikan budaya dan amalan hidup yang tersendiri. Menurut Hudson (1967), penghijrahan orang Banjar bermula pada pertengahan abad ke-19 yang disebabkan oleh faktor perdagangan dan kemiskinan. Petempatan awal yang dapat dikesan ialah di Batu Pahat, Johor. Pada masa itu, mereka sering berulang alik berdagang dan berniaga kelapa kering melalui Siak, Bentan, Inderagiri terus ke Batu Pahat dan Singapura. Dari Batu Pahat, mereka berpecah ke kawasan lain dan menjalankan aktiviti bertani, berkebun getah, kelapa dan sebagainya. Di Kerian, masyarakat ini ditemui di kawasan penanaman padi. Ekoran itu, terdapat banyak pengaruh dialek Banjar yang ditemui dalam kalangan penduduk kampung di daerah ini selain dialek utara yang dominan.

Data “air”

Data leksikal “air” jelas memperlihatkan kewujudan pengaruh dialek Banjar dalam kalangan penduduk kampung di daerah Kerian. Terdapat dua variasi “air” yang ditemui di daerah ini, iaitu [ɑjɑʔ] dan [bɑnu]. Kehadiran penggunaan varian [bɑnu] yang ditandai dengan simbol ● ini dapat ditemui di semua kampung dalam daerah Kerian. Antara kampung tersebut termasuklah Kampung Megat Aris, Kampung Pandak Puteh, Kampung Parit Haji Kasim, Kampung Samagagah, Kampung Titi Serong dan Kampung Teluk Pulau. Terdapat sebahagian penduduk di kampung ini berketurunan Banjar dan masih lagi menggunakan dialek Banjar sesama mereka. Kebanyakan mereka ini terdiri daripada generasi tua yang masih sayang dan mengekalkan penggunaan dialek Banjar. Sebahagian lagi penduduk kampung yang terdiri daripada generasi muda dan bukan berketurunan Banjar menggunakan dialek utara dalam komunikasi seharian mereka. Buktinya, ditemui juga penggunaan varian [ɑjɑʔ] di daerah ini yang diberikan simbol warna ●. Masyarakat kampung di daerah ini



Rajah 6 Peta taburan leksikal “air”.


kebanyakannya mengusahakan tanaman padi sebagai punca pendapatan mereka. Selain itu, ada juga yang menoreh getah, menjadi nelayan dan bekerja kilang. Rajah 6 memaparkan taburan penggunaan varian [baɲu] dan [ajaʔ] di daerah Kerian.

Data “saya”

Leksikal “saya” yang didapati memperlihatkan pengaruh dialek utara dan dialek Banjar dalam penyebutannya. Antara variasi yang digunakan oleh penduduk kampung di daerah ini termasuklah [saja], [kami] dan [akuʔ]. Varian [akuʔ] yang diberi simbol ● merupakan penyebutan bagi leksikal “saya” dalam dialek masyarakat Banjar. Kampung yang

didapati menggunakan varian ini sama seperti penggunaan varian [bqnu]. Kedudukan daerah ini di sebelah baratnya Selat Melaka yang secara tidak langsung memudahkan orang Banjar berhijrah ke Sumatera, tempat asalnya, masuk melalui laut, dan membuka petempatan seperti yang ada sekarang. Peta di bawah memaparkan taburan varian [saja], [kami] dan [aku?] dalam kalangan penduduk kampung di daerah ini.

Berdasarkan peta taburan “air” dan “saya” di daerah Kerian, dalam Rajah 7, didapati daerah ini bersebelahan dengan laut, iaitu Selat Melaka. Keadaan ini dilihat membuka ruang kepada orang luar terutamanya orang Banjar yang berhijrah ke Sumatera untuk masuk melalui jalan laut dan seterusnya membina petempatan di beberapa kawasan dalam daerah ini.




Rajah 7 Peta taburan leksikal “saya”.

Selain itu, bentuk muka bumi daerah ini yang sebahagiannya bertanah pamah dan rata amat sesuai untuk bertani, terutamanya penanaman padi, menguatkan lagi tarikan kepada orang Banjar ini berhijrah ke daerah Kerian. Ekoran itu, banyak varian dialek Banjar seperti [bq̄nu] dan [aku?] ditemui di beberapa kampung dalam daerah ini. Hal ini turut dibuktikan oleh kajian Ainur Syakirah (2015) tentang penyebaran dialek Banjar di mukim Bagan Serai, Perak. Namun begitu, didapati pengaruh dialek Banjar tidak tersebar ke daerah atau kawasan lain yang berdekatan dengannya di utara Perak. Orang Banjar tinggal dalam kelompok mereka sendiri dan kurang berinteraksi dengan suku lain, sama ada orang Melayu jati atau imigran lain dari Indonesia. Kesannya, perkahwinan anak orang Banjar hanya berlaku dengan anak orang Banjar juga dan jarang sekali melibatkan anak suku lain. Menurut Mohamed Salleh orang Banjar generasi pertama dan kedua khasnya, memang jarang berkahwin dengan suku lain (2012).

Begitu juga dengan kehadiran varian [q̄jɑʔ], [sq̄ja] dan [kami] di semua kampung dalam daerah ini. Kedudukannya yang bersempadan dengan negeri Kedah telah menyebabkan pengaruh dialek Kedah menyerap masuk ke daerah ini. Dalam daerah ini juga terdapat sebatang sungai yang dikenali sebagai Sungai Kerian yang berhulu di Bandar Baharu, Kedah. Sungai ini dilihat sebagai penghubung di antara negeri Kedah dengan daerah Kerian. Kehadiran sungai ini secara tidak langsung telah membuka ruang kepada orang dari Kedah untuk masuk ke daerah ini sama ada menjalankan perniagaan atau aktiviti lain. Tambahan pula, muka bumi daerah Kerian yang tidak bergunung dan berbukit telah memudahkan lagi penyebaran pengaruh dialek Kedah dan Banjar ke serata daerah ini. Varian [bq̄nu] dan [aku?] menjadi bukti kepada kehadiran pengaruh dialek Banjar dan [q̄jɑʔ], [sq̄ja] serta [kami] di daerah Kerian. Hal ini dapat ditunjukkan berdasarkan peta dalam Rajah 8 semasa temu bual dengan responden yang bernama Puan Hamsah binti Idris dari Kampung Titi Serong, Parit Buntar.

Daerah Hilir Perak juga merupakan antara kawasan yang menerima perpindahan masyarakat rencam dari luar sempadan negeri Perak. Migrasi tersebut tidak terhad kepada perpindahan masyarakat daripada sempadan berhampiran, malah turut melibatkan masyarakat daripada sempadan luar Tanah Melayu. Keadaan geografi Hilir Perak yang berpaya dan tidak didiami oleh masyarakat tempatan telah membawa penempatan baharu masyarakat luar, khususnya masyarakat Jawa dari Sumatera ke negeri ini. Struktur muka bumi di daerah ini yang berpaya disebabkan oleh kedudukannya yang menjadi laluan aliran Sungai Perak yang menyusur ke



Rajah 8 Peta perbualan dalam dialek Banjar.

Selat Melaka. Keadaan ini sekali gus dapat memberikan jangkaan yang lebih tepat bahawa kehadiran masyarakat Jawa ke daerah ini dipengaruhi oleh kemudahan jalan penghubung. Umumnya, masyarakat dahulu menjadikan jalan air sebagai jalan penghubung utama. Hal yang sama juga dilakukan oleh masyarakat Sumatera yang sememangnya berada di seberang barat Tanah Melayu. Oleh itu, penghijrahan masyarakat ini ternyata dipengaruhi oleh persempadanan antara Tanah Melayu dengan Sumatera. Selat Melaka merupakan pemisah antara kedua-dua negara tersebut. Rajah 9 merupakan peta penghijrahan masyarakat Jawa di Tanah Melayu.



Rajah 9 Peta Tanah Melayu- menunjukkan kawasan penempatan orang Jawa 1880-1940.

(Sumber: Khazin Mohd Tamrin, 1984)

Pembuktian Data Leksikal


Antara data yang dianalisis ialah data datuk, nenek, kamu dan besar. Data ini didapati membuktikan kewujudan dialek Jawa di Hilir Perak berdasarkan penggunaan yang ditemui dalam kalangan penduduk kampung di daerah ini. Pemilihan leksikal ini juga dibuat apabila didapati data “air”, “saya”, “anjing”, “betis” dan “mentah” kurang jelas untuk memperlihatkan pengaruh sebutan dialek Jawa dalam kalangan penutur dialek Jawa di Hilir Perak.

Data “datuk” dan “nenek”



Penggunaan leksikal bagi kata panggilan “datuk” dan “nenek” dapat membuktikan kehadiran masyarakat luar ke daerah Hilir Perak. Kata

panggilan merupakan antara kata yang memperlihatkan identiti dialek mahupun bahasa yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana kata panggilan tidak mudah dipengaruhi oleh pengaruh dialek mahupun bahasa lain berbanding dengan kata lain.

Terdapat tiga bentuk varian penggunaan kata panggilan bagi “datuk” dan “nenek” yang digunakan di daerah Hilir Perak. Varian yang lazim ditemui ialah dapatan bahasa Melayu standard, iaitu [nəneʔ] dan [ətəʔ] yang ditandakan dengan simbol ●. Penggunaan kata ini sejajar dengan penggunaan bahasa Melayu standard secara formal. Tambahan pula, leksikal tersebut juga digunakan bagi dialek Selangor yang bersempadan dengan daerah Hilir Perak. Kedua-dua leksikal tersebut digunakan di semua kampung. Walau bagaimanapun, kata panggilan standard ini diujarkan dalam bunyi yang berbeza, iaitu [datəʔ] kepada [ətəʔ]. Selain kata panggilan bahasa Melayu standard, setiap kampung di daerah ini juga menggunakan kata panggilan daripada dialek Perak, iaitu [əpəh] dan [təʔ]




Rajah 10 Peta taburan leksikal “datuk dan “nenek”.

yang ditandai dengan simbol . Bagi penggunaan kata panggilan Jawa pula ditandai dengan simbol .

Kata panggilan [əmbəh] digunakan untuk merujuk datuk dan nenek sekali gus. Penambahan kata [lənŋ] yang merujuk lelaki dan [wedəʔ] yang merujuk perempuan hanya digunakan sebagai penanda jantina (Marniyati, 1999). Lazimnya, hanya kata [əmbəh] sahaja digunakan. Ternyata, varian leksikal Jawa hanya digunakan di kawasan kampung yang berada di bahagian barat daerah itu, iaitu di sepanjang Sungai Perak yang menyusur ke Selat Melaka. Kampung tersebut ialah Kampung Matang Kundang, Bagan Datoh dan Kampung Sungai Dulang Dalam, Teluk Baru. Kampung Sungai Tiang Darat, Rungkup pula berada di kawasan berhampiran dengan pesisir Selat Melaka. Kampung Sungai Samak, Hutan Melintang pula merupakan daerah yang bersempadan dengan daerah Sungai Besar, Selangor yang juga merupakan kawasan penempatan masyarakat Jawa. Oleh itu, terbukti bahawa kawasan ini juga menjadi kawasan lingkungan penempatan masyarakat Jawa.

Data “kamu”

Leksikal “kamu” merupakan kata ganti nama kedua. Leksikal ini juga dapat memberikan gambaran kerencaman bahasa yang wujud di daerah ini. Seperti leksikal “datuk dan nenek”, leksikal [kamu] yang merupakan bahasa Melayu standard telah digunakan di semua kampung, diikuti juga varian leksikal [awəʔ]. Varian [əŋkə], [kə] dan [kaw] juga merupakan leksikal daripada bahasa Melayu standard, iaitu [əŋkaw] “engkau” yang diubah penyebutannya kepada [əŋkə] yang lebih bercirikan dialek Selangor (Asmah, 1993). Leksikal ini digunakan hampir di seluruh kampung. Varian yang mewakili dialek Perak, iaitu [mikə] “kamu (tunggal)” dan [kəmə] “kamu (jamak)” pula digunakan hampir di semua kampung, kecuali di Kampung Sungai Samak. Pengaruh dialek Perak hanya hadir di kampung yang berada di utara daerah ini. Jika dilihat daripada paparan dalam Rajah 11, kampung tersebut kebanyakannya berada berhampiran sungai. Sungai merupakan medium perhubungan utama masyarakat dahulu. Oleh itu, dialek Perak kekal digunakan dan disebarkan ke kawasan tersebut. Malah, kampung yang berhampiran dengan laut, iaitu Kampung Sungai Tiang Darat, Kampung Matang Kundang dan Kampung Sungai Dulang Dalam yang merupakan petempatan masyarakat Jawa juga menerima pengaruh




Rajah 11 Peta taburan leksikal “kamu”.

dialek tempatan. Hal ini sekali gus dapat disimpulkan bahawa masyarakat Jawa di kampung tersebut telah berasimilasi dengan dialek setempat.

Data “besar”

Leksikal “besar” merupakan kata sifat. Penggunaan leksikal “besar” jelas memperlihatkan percampuran masyarakat di Hilir Perak. Selain itu, leksikal ini juga dapat memberikan gambaran terhadap pengekalan penggunaan bahasa Jawa di daerah selatan Perak ini. Peta dalam Rajah 12 merupakan dapatan yang diperoleh bagi leksikal “besar” di Hilir Perak. Berdasarkan peta tersebut, dapatan varian leksikal “besar” telah menyokong penjelasan yang diberikan dalam dapatan leksikal “atuk dan nenek” serta “kamu”. Setiap variasi leksikal yang bercirikan dialek mahupun bahasa yang wujud di daerah tersebut ternyata mencapai dapatan yang sama. Varian [bəsə] yang diwakili dengan simbol ■ digunakan di seluruh kampung. Menurut Asmah (1993), penutur natif bahasa Melayu akan menggugurkan



Rajah 12 Peta taburan leksikal “besar”.

/r/ di suku kata akhir seperti penutur dialek Kuala Lumpur. Maka, varian dialek Perak, [bəso] yang ditandai dengan simbol ■ juga menggugurkan konsonan alveolar di suku kata akhir, manakala varian [bəsaʔ] bagi dialek Kedah pula telah menggugurkan konsonan alveolar, /r/ tersebut dan menggantikan dengan bunyi frikatif /ʔ/. Kehadiran setiap varian tersebut digunakan seiring dengan dapatan leksikal “kamu” kerana varian leksikal bahasa Jawa, iaitu [gədiʔ] telah digunakan di empat kampung yang berada di barat dan selatan daerah ini. Kehadiran penggunaan leksikal tersebut telah dipengaruhi oleh faktor pengejalan penggunaan bahasa natif bagi masyarakat Jawa di kawasan tersebut.

Berbandukan ketiga-tiga peta leksikal di tersebut, didapati bentuk muka bumi Hilir Perak sama seperti daerah Kerian, iaitu bertanah rendah

dan rata, serta bersebelahan dengan Selat Melaka. Kedudukannya yang bersebelahan dengan laut ini dilihat dapat membuka ruang kepada orang luar dari Sumatera, terutamanya orang Jawa masuk ke kampung yang berhampiran dengan muara sungai di daerah ini. Selain itu, bentuk muka bumi Hilir Perak yang tidak bergunung dan berbukit telah membuka ruang kepada dialek Jawa tersebar dengan mudah ke beberapa kampung dalam daerah ini. Begitu juga dengan dialek Selangor yang didapati meluas pengaruhnya di Hilir Perak kerana tidak dihalang oleh gunung atau bukit dengan negeri Selangor di bahagian selatannya. Keadaan ini menunjukkan bahawa bentuk muka bumi yang landai telah menyebabkan migrasi mudah berlaku dan berasimilasi dengan dialek di daerah ini. Oleh sebab itu, wujud banyak varian yang mengalami percampuran dengan dialek Selangor atau standard, dialek Kedah dan dialek asli Perak.

Umumnya, bahasa Jawa juga merupakan salah satu kelompok bahasa Melayu. Malah, penghijrahan masyarakat serumpun dari Sumatera ini turut membawa aliran masuk bahasa ini ke dalam bahasa masyarakat setempat melalui peminjaman bahasa seperti perkataan perabot, gotong dan banjir (Nordin, 2010:22). Walau bagaimanapun, tidak banyak perubahan fonologi dalam bahasa Jawa yang dapat dikaitkan dengan bahasa Melayu standard. Sebaliknya, bahasa Jawa mempunyai pengungkapan leksikal yang tersendiri. Hal ini juga telah diperkatakan oleh Asmah (1993:163) dalam penelitiannya terhadap dialek Melayu di Selangor. Oleh itu, pertembungan masyarakat Jawa dengan masyarakat tempatan tidak mencetuskan pembentukan leksikal baharu, sebaliknya wujud asimilasi penggunaan dialek setempat oleh masyarakat yang berhijrah dari Sumatera ini. Pengekalan penggunaan leksikal bahasa Jawa lebih digunakan oleh masyarakat Jawa di kawasan yang bersempadan dengan Selangor. Pengekalan leksikal ini dipengaruhi oleh kehadiran kelompok yang besar masyarakat tersebut di kawasan utara negeri Selangor seperti yang dikemukakan oleh Khazin (1984).

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh, Larut Matang dan Selama, Kerian, Hilir Perak dan Batang Padang merupakan antara daerah yang menerima migrasi masyarakat luar dari selatan Thai, Kalimantan dan Sumatera. Persamaan yang wujud hasil daripada perpindahan masyarakat ini telah menjadikan daerah tersebut rencam dengan kehadiran variasi leksikal. Walau bagaimanapun, kehadiran keempat-empat masyarakat ini

telah memberikan pengaruh yang berbeza kerana perbezaan faktor ciri bahasa dan kedudukan geografi kawasan yang dilatari oleh masyarakat. Geografi kawasan Larut Matang, Selama dan Hulu Perak yang berbukit dan bergunung telah menjadikan kawasan ini selamat untuk berlindung bagi masyarakat Melayu Patani pada masa dahulu daripada ancaman tentera Siam. Keadaan ini juga telah menghalang penyebaran dialek Patani dari tersebar ke daerah lain seperti di Kuala Kangsar dan sekitar kerana bentuk muka buminya. Begitu juga dengan daerah Kerian yang bersebelahan dengan laut telah memudahkan masyarakat Banjar masuk membuka petempatan. Kebanyakan dialek Banjar yang dituturkan telah berasimilasi dengan dialek setempat di daerah ini.

Geografi Hilir Perak yang berpaya telah menghubungkan masyarakat Jawa dengan masyarakat tempatan dalam usaha memperoleh keperluan asas. Selain itu, ciri bahasa Jawa yang sedikit berbeza daripada dialek Melayu telah berasimilasi dengan dialek Melayu bagi masyarakat Jawa. Pembentukan dan penggabungan antara bahasa Rawa dan Minang dengan dialek Melayu dipengaruhi oleh ciri bahasa yang hampir sama. Ciri bahasa antara kedua-dua bahasa ini hanya dibezakan dengan penyebutan vokal pada suku kata awal mahupun akhir suatu leksikal.

Maka, dapatlah dinyatakan bahawa dengan adanya kemasukan atau migrasi masyarakat luar ke negeri Perak telah memberikan pengaruh yang besar terhadap kepelbagaian varian dalam dialek Melayu di Perak. Jika sebelum ini Asmah (2008) menyatakan dialek Perak asli ditandai dengan vokal [ə] dan vokal [ɛ] di akhir kata, tetapi kini mula mengalami perubahan fonologi dan leksikal dalam kalangan penduduk kampung

Jadual 1 Pelbagai varian dalam dialek di Perak.

Data	Kuala Kangsar	Perak Tengah	Dialek Patani	Dialek Banjar	Dialek Jawa	Dialek Minang
/air/	ajə	ajə	ɛ / ʔ ^{ae}	baɾu	baɾu	ajɪə
/betis/	bətɛh	bətɛh	bətɪh	daŋkuŋ	kempol	bətɛh
/saya/	sajə	sajɛ	saj	akuʔ	aku	den
/datuk/	təʔ	təʔ	təʔ	kai	əmbah lanəŋ	datəʔ
/nenek/	əpəh	əpəh	əpəh	nini	əmbah wədəʔ	anduaŋ
/kamu/	mikə	mike	mu	ikam	rik	kaw
/besar/	bəs	bəs	bəsə	gaduʔ	gədiŋ	gadəŋ
/anjing/	əndʒen	əndʒen	əneŋ	kujʊʔ	andʒen	əndʒiŋ
/mentah/	mantəh	mantəh	mətəh	mantəh	məntəh	mantəh

kesan daripada pengaruh migrasi. Jadual 1 dapat memaparkan dengan lebih jelas kewujudan pelbagai varian yang ditemui di Perak.

KESIMPULAN

Kajian yang bersifat multidisiplin seperti ini dilihat dapat menguatkan lagi penjelasan berkenaan penyebaran bahasa atau dialek luar yang ditemui di negeri Perak. Penggunaan teknologi GIS telah memudahkan lagi penerangan dan pembuktian saintifik tentang kehadiran dialek Patani, Banjar, Jawa, Rawa dan Minang di utara dan selatan negeri Perak. Meskipun dapatan kajian ini tidak banyak berbeza daripada kajian lepas, tetapi kehadiran teknologi dapat memberikan isoglos yang tepat dan saintifik kepada kedudukan dialek tersebut. Faktor geografi, sejarah dan migrasi telah diintegrasikan dengan teknologi bagi mendapatkan penerangan penyebaran dengan lebih sistematik. Malahan, keadaan bentuk muka bumi yang tinggi dan berbukit-bukau seperti kampung-kampung di kawasan Hulu Perak serta Kampung Lubuk Katak dan Kampung Batu Melintang di daerah Batang Padang terbukti menjadi penghalang kepada asimilasi bahasa bagi dialek Patani dan dialek Minang. Tetapi bentuk muka bumi yang bertanah pamah, dan adanya saluran sungai seperti di daerah Kerian dan Hilir Perak telah memudahkan berlakunya asimilasi bahasa. Keadaan ini menunjukkan bahawa bentuk muka bumi yang landai lebih memudahkan pergerakan manusia dan asimilasi bahasa berlaku di negeri Perak khususnya.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. (1977). *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainur Syakirah Muhd Hissam. (2015). *Dialek Banjar di kawasan Bagan Serai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS)* (Latihan Ilmiah tidak diterbitkan). Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Program Linguistik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2013). Geolinguistik dan migrasi: Gambaran dalam sejarah Melayu. Kertas Kerja Seminar 400 Tahun *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins. J.T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah. (1969). Sistem bunyi dialek Rawa yang dituturkan dalam daerah Gopeng, Perak. Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Harun Mat Piah. (1983). Dialek negeri Perak. Bengkel Kepimpinan dan Pengajian Kebudayaan Negeri Perak. 20-23 Oktober 1983: Ipoh.
- Hoch, H dan Hayes, J.J. (2010). Geolinguistics: The incorporation of geographic information systems and science. Gamma theta upsilon. *The Geographical Bulletin* 51(1), 23-36.
- Hudson, A. B. (1967). *The Barito isolects of Borneo: A classification based on comparative reconstruction and lexicostatistics*. Ithaca: Cornell University.
- Ismail Hussein. (1973). Malay dialects in Malay Peninsula. *Nusantara* 3, 63-79.
- Khazin Mohd Tamrin. (1978). Penghijrahan Orang Jawa di Selangor (Tesis Sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khazin Mohd Tamrin. (1984). *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan penempatan 1880-1940*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malim Ghazali PK. (2011). *Kampung-kampung tersohor: Di sepanjang sungai Perak*. Ipoh: Institut Darul Ridzuan..
- Mohamed Salleh Lamry. (2012). *Orang Banjar di Malaysia: Perubahan sosial dan identiti*. Prosiding KABOKA 6 Konferensi Antaruniversiti Se Borneo-Kalimantan Ke-6. 23-24 Mei 2012. Universitas Palangka Raya, Kalimantan Tengah, Indonesia.
- Mokhtar Jaafar. (2012). Keberkesanan GIS sebagai alat bantu mengajar konsep asas geografi kepada pelajar bukan geografi. *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space* 8 (3), 82-92.
- Nor Asyikin Mat Naib. (2014). Penyebaran pengaruh bahasa Minang di Batang Padang: Analisis Geographical Information System (GIS) (Latihan Ilmiah). Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Program Linguistik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin Razak. (2010). *Perkembangan bahasa Melayu dan kosa kata*. Pasir Mas: Pustaka Sukses.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Mustafa Omar dan Mokhtar Jaafar. (2013). Lexical Variations in Perak Dialect. Seminar Southeast Asian Linguistics, Chulalongkorn Universiti, Bangkok.

- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyelidikan Multidisiplin: Mensejagatkan Bahasa Melayu Di Pentas Dunia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(1), 137-160.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Migrasi masyarakat luar di selatan Perak: Aplikasi GIS. Proceeding International Conference, Padjadjaran University, Bandung.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad dan Harishon Radzi. (2016). Variasi Kata Ganti Nama Dialek Di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies* 16(1), 106-123.
- Nuwairi. (2003). Dialek: Taburannya di negeri Perak daripada perspektif dialektologi. *Jurnal Pengajian Melayu* 13, 88-99.
- Onishi, T. (2010). Analyzing dialectological distributions of Japanese. *Dialectologia Special issue I*, 123-135.
- Raja Chulan Raja Abdul Hamid. (1992). *Misa Melayu*. Edisi Keenam. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Rohani Yusof. (1986). Dialek geografi Kuala Kangsar: Suatu kajian perbandingan (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad. (2014). Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik* 18(2), 30-46.
- Teerarojanarat, S dan Tingsabadh, K. (2010). A GIS-based approach for dialect boundary studies. *Jurnal Dialectologia of Universitat de Barcelona* 6, 55-75.

Diperoleh (*received*): 26 Oktober 2016

Diterima (*accepted*): 15 Februari 2017